

**SET-4****Series #CDBA****Q.P. Code 19**

Roll No.

--	--	--	--	--	--	--	--

Candidates must write the Q.P. Code on the title page of the answer-book.

- Please check that this question paper contains **18** printed pages.
- Please check that this question paper contains **12** questions.
- Q.P. Code given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- **Please write down the serial number of the question in the answer-book before attempting it.**
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.

**BAHASA MELAYU***Time allowed : 3 hours**Maximum Marks : 80**Masa : 3 Jam**Markah : 80*



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** berbentuk pelbagai pilihan (MCQ). Bahagian ini mempunyai 3 soalan, iaitu nombor **1, 2, dan 3**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** merupakan soalan berbentuk penulisan. Bahagian ini mempunyai 2 soalan, soalan **4 dan 5**. Jawab semua pada soalan 4. Soalan 5 terdiri daripada soalan (a) dan (b), anda hanya perlu pilih satu dan jawab.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 6, 7, dan 8** yang mengandungi 20 soalan tatabahasa. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 9, 10, 11, dan 12**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.



Bahagian A
(15 Markah)

SOALAN 1

Baca laporan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(Read the report carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

LAPORAN TAHUNAN KELAB SAINS

Penaung	: En. Abdul Latif bin Razali (Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Cempaka)
Guru Penasihat	: Pn. Azalinawati bt. Salleh (Ketua Panitia Sains) Pn. Haslinda bt. Yusof En. Mohamad Fadhil bin Ahmad Kamil
Pengerusi	: Nora Akilah bt. Abdul latif
Naib Pengerusi	: Mohamad Anuar bin Hashim
Setiausaha	: Nor Nadia bt. Amin
Bendahari	: Amirul Aziz bin Nizam
Ahli Jawatankuasa	: Burhanuddin b. Khalid Abdul Manap bin Anwar Napsiah bt. Nikman Ahmad Daud bin Jamil

Kelab ini ditubuh dengan rasminya pada 6 Februari 2022. Sebanyak 162 orang murid telah diterima menjadi ahli kelab ini. Pada 12 Februari 2022, Kelab Sains mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang pertama. Mesyuarat yang terbuka kepada ahli kelab telah dihadiri oleh 120 orang.

Pada 25 Februari 2022, kelab ini mengadakan majlis suai kenal. Dalam majlis yang sederhana ini anggota kelab dapat mengenali antara satu sama lain. Pada 15 Mac 2022, Program Motivasi telah dijalankan untuk memantapkan ketahanan fizikal dan mental ahli kelab.

Pada cuti penggal kedua persekolahan, kelab telah mengadakan Pertandingan Reka cipta untuk melahirkan murid yang kreatif. Di samping itu, kelab juga telah mengadakan kuiz persahabatan dengan sekolah jiran. Ahli kelab juga telah menghasilkan buku skrap sains untuk dipamerkan semasa Hari Kokurikulum.

Aktiviti terakhir yang dijalankan oleh kelab ialah lawatan sambil belajar ke Pusat Sains Negara dan Akuaria di Kuala Lumpur.

Disediakan oleh,

12 OGOS 2022.

Nor Nadia
(NOR NADIA BT. AMIN)
Setiausaha Kelab Sains,
Sekolah Kebangsaan Bukit Cempaka



- I. Bilakah Kelab Sains mengadakan majlis suai kenal?
 - A. 6 Februari 2022
 - B. 12 Februari 2022
 - C. 25 Februari 2022
 - D. 15 Mac 2022

- II. Siapakah yang menjadi penasihat Kelab Sains tersebut?
 - A. Setiausaha kelab
 - B. Ketua Panitia Sains
 - C. Guru penasihat kelab
 - D. Guru besar

- III. Apakah salah satu tugas Setiausaha Kelab Sains?
 - A. Menulis laporan aktiviti kelab
 - B. Merasmikan penubuhan kelab
 - C. Mendapatkan anggota-anggota baharu
 - D. Mmpengerusikan mesyuarat ahli jawatankuasa

- IV. Aktiviti berikut diadakan selepas majlis suai kenal, KECUALI...
 - A. Mesyuarat Agung Tahunan yang pertama
 - B. lawatan ke Pusat Sains Negara
 - C. melawat akuaria
 - D. program motivasi

- V. Pada pendapat anda, mengapakah kelab tersebut mengadakan Pertandingan Reka cipta?
 - A. Untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya ilmu sains.
 - B. Untuk menjalin hubungan erat antara ahli kelab.
 - C. Untuk melahirkan murid yang berdaya inovatif.
 - D. Untuk menguji ketajaman mental ahli kelab.



SOALAN 2

Baca surat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(Read the letter carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Jamili bin Ismail,
No. 25, Kampung Sungai Korok,
32800 Parit,
Perak.

3 April 2008.

Menemui saudaraku yang saya rindui selalu. Apa khabar saudara di samping keluarga? Kami di sini sihat-sihat sahaja. Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan sambutan hari kantin di sekolah saya.

Untuk makluman saudara, pada minggu lepas sekolah saya telah mengadakan hari kantin. Pada tahun ini, saya dan rakan-rakan sekelas turut melibatkan diri dalam menjayakan program tersebut. Kami telah bersetuju untuk menjual burger dan saya telah dilantik menjadi ketua. Pada peringkat awal, kami telah berbincang untuk mengagihkan tugas masing-masing.

Semasa hari kantin, gerai kami telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Oleh sebab itu, kami terpaksa memesan tambahan bekalan roti dan daging burger. Gerai kami menjadi tumpuan kerana rasa burger kami lain daripada yang lain. Untuk pengetahuan saudara, gerai kami beroleh keuntungan yang memberangsangkan. Keuntungan sebanyak RM280.00 telah kami agihkan kepada semua yang terlibat.

Kami berasa sungguh gembira kerana mendapat pengalaman baharu tentang aktiviti berniaga. Saya berharap agar saudara dapat menceritakan suasana hari kantin di sekolah saudara pula.

Sahabatmu,
Jamili

- I. Apakah tujuan surat ini ditulis?
- A. Bertanya khabar
 - B. Menceritakan jualan burger
 - C. Menceritakan keuntungan
 - D. Menceritakan sambutan hari kantin



- II. Di manakah program hari kantin dijalankan?
- A. Sekolah Jamili
 - B. Rumah Jamili
 - C. Sekolah saudara
 - D. Sekolah Amin
- III. Apakah yang dijual oleh penulis semasa hari kantin?
- A. Burger
 - B. Burger Otai
 - C. Burger kami
 - D. Ramli Burger
- IV. Bagaimanakah cara untuk menarik perhatian pembeli semasa hari kantin?
- A. Melayan pelanggan dengan baik
 - B. Menjual barangan yang berlainan
 - C. Berbincang tentang pengagihan tugas
 - D. Melakukan pembaharuan pada menu jualan
- V. Mengapakah program hari kantin penting kepada murid-murid di sekolah?
- A. Mengisi masa lapang
 - B. Menambah pengalaman
 - C. Menjadikan murid-murid sebagai peniaga
 - D. Mendedahkan murid kepada ilmu perniagaan
-



SOALAN 3

Baca surat di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(Read the letter carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Guru Besar,
Sekolah Kebangsaan Mukim Bemban,
70300 Seremban.

Semua Ibu Bapa/Penjaga Pelajar,
Sekolah Kebangsaan Mukim Bemban,
70300 SEREMBAN.

Ruj. Kami: SKMB/22/07
Tarikh: 09 Jun 2022

Tuan/Puan,

Pengambilan Buku Laporan Kemajuan Pelajar

1. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak tuan/puan diundang hadir ke sekolah untuk mengambil buku laporan kemajuan anak tuan/puan.
2. Untuk makluman tuan/puan, bermula tahun ini pihak sekolah tidak lagi menyerahkan buku laporan tersebut kepada murid untuk ditandatangani oleh penjaga mereka di rumah.
3. Pihak sekolah berpendapat adalah lebih baik ibu bapa datang ke sekolah untuk menandatangani buku laporan tersebut. Dengan itu, ibu bapa dapat berjumpa dengan guru kelas anak mereka dan seterusnya dapat berbincang tentang perkembangan pelajaran anak-anak.
4. Tuan/puan diminta hadir bersama anak tuan/puan yang lengkap berpakaian seragam sekolah pada tarikh dan masa yang dinyatakan seperti di bawah:

Tarikh : 18 Jun 2022

Hari : Sabtu

Masa : Tahun 1, 2, dan 3 (8.00 pagi - 11.45 pagi)

Tahun 4, 5, dan 6 (2.00 petang - 4.45 petang)

5. Kehadiran dan kerjasama tuan/puan sangat kami harapkan demi mempertingkatkan prestasi pelajaran murid-murid sekolah ini.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK AGAMA, BANGSA DAN NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(MOHD FIKRI BIN KHAIRUDIN)
Guru Besar, Sekolah Kebangsaan Mukim Bemban



- I. Surat di atas ditujukan kepada _____:
- A. guru besar
 - B. ibu bapa atau penjaga
 - C. murid-murid
 - D. tuan-tuan dan puan-puan
- II. Tujuan utama surat ini adalah untuk _____.
- A. mengundang ibu bapa datang ke sekolah berjumpa dengan guru kelas anak-anak mereka
 - B. memberitahu ibu bapa tentang kemajuan pelajaran anak-anak mereka
 - C. mengundang ibu bapa membincangkan kemajuan pelajaran anak-anak mereka
 - D. memberikan tarikh dan masa ibu bapa boleh hadir ke sekolah untuk mengambil buku laporan kemajuan anak-anak mereka
- III. Semua pernyataan berikut adalah benar, **kecuali**
- A. Ibu bapa diminta datang sendiri untuk mengambil buku laporan kemajuan pelajar.
 - B. Pelajar boleh membawa pulang buku laporan kemajuan mereka untuk ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga di rumah.
 - C. Pelajar mesti memakai pakaian seragam sekolah apabila hadir ke sekolah bersama ibu bapa mereka.
 - D. Pihak sekolah berhasrat untuk mempertingkatkan prestasi pelajaran murid-muridnya.
- IV. Anak Puan Seliah belajar dalam Tahun 6. Oleh itu, beliau boleh datang pada masa berikut, **kecuali**
- A. 8:45 pagi
 - B. 2:15 petang
 - C. 3:00 petang
 - D. 4:10 petang
- V. Surat ini ditulis dan dikeluarkan atas arahan _____.
- A. Guru Kelas Sekolah Kebangsaan Mukim Bemban
 - B. Guru Besar Sekolah Kebangsaan Mukim Bemban
 - C. Guru Disiplin Sekolah Kebangsaan Mukim Bemban
 - D. Guru Kaunseling Sekolah Kebangsaan Mukim Bemban.



Bahagian B
(20 Markah)

SOALAN 4

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang **keburukan amalan merokok** ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(Read the passage carefully and write a summary on disadvantages of smoking. The summary should be no more than 80 words. You are encouraged to use your own sentences without changing the original meaning of the statement.) **(10 Markah)**

Akhir-akhir ini, kerap kedengaran rungutan tentang isu wanita telah dijadikan sebagai sasaran syarikat-syarikat pengeluar rokok dalam strategi pemasaran mereka. Fakta ini dibuktikan melalui laporan terbaru Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menyatakan bahawa pemasaran dan pengiklanan rokok yang menjerus ke arah wanita telah meningkat.

Kesan buruk gejala merokok selalu dihebohkan, namun budaya merokok terus kekal. Sekiranya seseorang ahli keluarga merokok di rumah, maka risiko ahli keluarganya yang lain untuk mendapat penyakit kanser adalah dua kali ganda lebih tinggi berbanding dengan orang lain yang jauh daripada asap rokok. Nikotin, karbon monoksida, dan bahan kimia lain yang berbahaya dapat meresap masuk ke dalam darah perokok. Selain itu, perokok terdedah kepada risiko untuk mendapat penyakit kronik seperti kanser paru-paru, tekanan darah tinggi, strok, dan penyakit jantung. Pesakit asma mudah mengalami sesak nafas apabila terdedah kepada asap rokok dalam tempoh yang lama. Perbuatan merokok juga menyebabkan gigi berkarat, nafas berbau, penyakit gusi, dan kanser mulut.

Bagi golongan wanita yang merokok pula, mereka sangat berisiko untuk putus haid lebih awal, mengalami kelewatan hamil, dan berpotensi untuk mandul. Wanita yang mengandung pula terdedah kepada masalah kematian janin di dalam kandungan ataupun berlaku keguguran. Oleh sebab itu, setiap orang seharusnya tidak mudah terpedaya oleh taktik dan tipu helah syarikat pengeluar rokok.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana "Wanita Sasaran Syarikat Rokok" Mazlina Abdul Majid, *Kosmo*, 4 Jun 2011.)



SOALAN 5

Pilih salah satu daripada tajuk di bawah dan tuliskan sebuah karangan. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(Pick any one of the topics below and write an essay. The summary should be no more than 150 words.) (10 Markah)

- (a) Tulis sebuah karangan tentang faedah amalan menderma darah.

ATAU(OR)

- (b) Kebersihan sungai merupakan tanggungjawab kita bersama. Namun, masyarakat kini masih tidak mempedulikan pencemaran sungai yang semakin serius.

Berikan pendapat anda tentang langkah-langkah yang patut diambil bagi mengatasi pencemaran sungai.

Bahagian C
(20 Markah)

SOALAN 6

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.
(Rearrange the phrases below to form complete sentences.)

(5 Markah)

- I. jalan raya. / Kecuaian / merupakan / kemalangan / pemandu kereta /
punca utama / penunggang motosikal / dan / di / berlakunya

- II. memilih / Cikgu Suhaimi / darjah enam. / telah / Saran Raj / sebagai /
ketua kelas

- III. telah / tong sampah / Nisha / ke dalam / membuang / tamat / makanan
segera itu / kerana / tempoh.



IV. diminta / dengan / Pelajar / menggunakan / membulatkan / untuk / jawapan / pensel. / tepat / yang

V. air kosong / Kakak / baru / mengisi / botol / plastik / ke dalam / dibeli itu. / yang / sedang

SOALAN 7

Pilih jawapan yang paling tepat.
(Choose the correct answer.)

(10 Markah)

I. _____ Tan Sri P. Ramli pernah memenangi banyak anugerah dalam dunia perfileman.

- A. Seniwati
- B. Seniman
- C. Peragawati
- D. Peragawan

II. Dalam Istiadat Pembukaan Parlimen, _____ bertitah agar semua pemimpin menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah.

- A. beta
- B. baginda
- C. patik
- D. beliau

III. Sekumpulan murid lelaki sedang menjalani latihan _____ di padang bola dengan jurulatih.

- A. polo air
- B. bola sepak
- C. bola jaring
- D. sepak takraw



- IV. Murid yang lebih _____ sepatutnya duduk di belakang.
- A. pendek
 - B. tinggi
 - C. kurus
 - D. miskin
- V. _____, malang betul nasib anak yatim piatu itu!
- A. Aduhai
 - B. Syabas
 - C. Nah
 - D. Wah
- VI. "Mereka _____ berbual-bual di kantin walaupun loceng sudah berbunyi," kata Ikhwan kepada Cikgu Ruhaini.
- A. masih
 - B. pernah
 - C. mungkin
 - D. telah
- VII. Suasana majlis perkahwinan itu menjadi _____ apabila pelamin runtuh tiba-tiba.
- A. karut-marut
 - B. calar-balar
 - C. hiruk-pikuk
 - D. cerai-berai
- VIII. Penggunaan bahasa kebangsaan dapat _____ tali silaturahim antara masyarakat majmuk.
- A. eratkan
 - B. pengerat
 - C. keamatan
 - D. mengeratkan
- IX. Dia berjaya kerana dia _____ menghadapi cabaran dalam hidup.
- A. tahan
 - B. tuntas
 - C. tabah
 - D. cekap



- X. Ketika kejadian ribut petir itu berlaku, angin bertiup dengan _____ sekali.
- A. laju
 - B. cepat
 - C. pantas
 - D. kencang

SOALAN 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.
(Choose the correct idioms to fill in the blanks.)

(5 Markah)

- ✓ seperti air di dalam kolam
- ✓ sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi
- ✓ matinya semut kerana gula
- ✓ genggam bara api biar sehingga menjadi
- ✓ kerana lembu seekor membawa lumpur, semuanya terpalit

- I. Oleh sebab tamak akan harta, perompak tersebut berjaya diperangkap oleh pihak polis.

- II. Kerajinan Azizul berlatih dengan bersungguh-sungguh, dia berjaya mendapat tempat dalam pertandingan merentas desa.

- III. Ishak masih bersikap tenang _____, meskipun dia sebenarnya menghadapi masalah yang besar.
- IV. Sikap budak itu seperti _____, kerana sejak mendapat basikal Baharu, basikal lamanya itu tidak dipedulikan lagi.
- V. Pelibatan murid tersebut dalam jenayah itu mencemarkan nama baik sekolahnya.



Bahagian D
(25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
(This section consists of four parts. You are required to answer all questions.)

SOALAN 9

Baca syair Burung Nuri di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.
(Read the poem below carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna.

Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasa di dalam Nasib dan walang.

Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambahan badan miskin dan nista.

Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari.

Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan.

Bangun terjunan badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ.

Dituliskan sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cerita,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh
(Penyelenggara)
Antalogi Bintang Hati, 2016.



- I. Apakah maksud frasa “dakwat dan kertas tempat berkata” dalam rangkap keempat baris keempat?
- A. Pen dan kertas boleh bercakap.
 - B. Mesej disampaikan dalam bentuk tulisan.
 - C. Dakwat adalah tempat untuk berkata-kata.
 - D. Manusia derita disebabkan adanya dakwat dan kertas.
- II. Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh penyajak dalam rangkap ketiga syair tersebut?
- A. Penyair menceritakan perjalanan hidupnya yang malang.
 - B. Penyair memohon maaf atas coretan kata-katanya yang ditulis dalam perasaan sedih.
 - C. Penyair menulis surat untuk meluahkan perasaan cinta kepada seseorang.
 - D. Penyair dipandang hina, pemikiran yang tidak luas, dan hidup dalam kemiskinan.
- III. Di rangkap berapa penyair menyatakan bahawa manusia dianggap hina sekiranya tidak berakal, berakhlak rendah, dan miskin?
- A. rangkap 2
 - B. rangkap 3
 - C. rangkap 4
 - D. rangkap 5
- IV. Apakah tema yang tepat bagi puisi ini?
- A. Adab ketika bersama-sama dengan seseorang
 - B. Adab dalam mengatasi masalah
 - C. Adab dalam kehidupan seseorang
 - D. Adab ketika makan
- V. Berikut merupakan persoalan yang terkandung dalam puisi ini, **KECUALI**
- A. kepentingan memiliki ilmu pengetahuan dan berakhlak mulia
 - B. kekecewaan yang boleh merosakkan kehidupan seseorang
 - C. rasional dalam bercinta
 - D. kebijaksanaan dalam mengawal diri ketika bercinta



SOALAN 10

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(Read the poem below carefully, then answer the following questions.)

(5 Markah)

Senja di Palang Besi

Senja mula menangis
Remang membongkar sendu
Mengutus kuntum-kuntum serakan cahaya
Berlari di celah jambangan bunga dedawai
Menari mengikat ramah kekosongan
Dalam kotak tidur sepi nan pedar hati

Pilu wajahmu sang senja
Yang dulu melakar Bahagia
Kini *merayap sayu* membelai jemari malam
Dalam keterbuangan yang merangkum
Dalam keterasingan yang mencengkam
Dalam kesakitan yang membungkam

Tanpa pasir pantai atau sisir angin
Rentet susun bibir palang besi dingin itu
Menjerut resah berteleku dalam hening
Bernyanyi rakus dalam kelu rasa keterkungkongkan
Menghantar pergi erti keriuhan
Jauh di balik redup senja yang mula mengundurkan diri
Bersama riak samudera jiwa bernama kesunyian
Hukuman terhebat hikayat kemanusiaan.

(PENA ALAM
Dipetik daripada
Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- I. Berdasarkan petikan sajak, rangkai kata *merayap sayu* membawa maksud? (1 markah)
- II. Berdasarkan rangkap ketiga sajak, apakah persoalan yang paling tepat dengan rangkap tersebut? (2 markah)



- III. Pada pendapat anda, mengapakah ada banduan yang sudah selesai menjalani hukuman melakukan jenayah lagi?

(2 markah)

SOALAN 11

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(Read the passage below carefully, then answer the following questions.)

(9 markah)

Maka Miskin pun hairanlah akan dirinya sebab bertuah untungnya maka boleh diberi orang pasar berbagai-bagai jenisnya. Adapun tatkala akan dahulu jangankan diberinya, hampir pun tiada boleh, dilemparnya dengan batu dan kayu. Setelah sudah fikir demikian itu maka ia pun kembalilah mendapatkan bininya. Maka segala buah-buahan dan makanan dan kain baju itu pun ditunjukkan kepada bininya seraya berceterakan halnya tatkala di pasar itu.

Maka bininya pun menangis tiada mahu makan jikalau tiada buah mempelam yang dalam taman raja itu. Maka bininya pun berkata, "Biarlah aku mati sekali."

Maka terlalu sebal hati suaminya melihatkan laku bininya seperti orang hendak mati rupanya tiada berdaya lagi. Maka suaminya pun pergilah menghadap Maharaja Indera Dewa itu. Maka baginda pun sedang dihadap oleh segala anak raja-raja. Maka Miskin pun sampailah ia lalu masuk ke dalam sekali.

Maka titah baginda, "Hai, Miskin, apa kehendakmu?"

Maka Miskin pun sujud kepalanya lalu ke tangga sembahnya, "Ya Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertua akan patik yang hina ini, patik hendak memohon akan mempelam Duli Syah Alam yang gugur barang sebiji."

Maka titah baginda kepada hambanya, "Pergilah engkau ambilkan buah mempelam itu barang setangkai kepada Miskin."

Maka diambil oranglah; diberikannya kepada Miskin itu. Maka diambilnya seraya menyembah kepada baginda itu lalu ia keluar berjalan kembali.

(Dipetik daripada prosa tradisional "Bahagia Sesudah Derita" dalam antalogi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- I. Apakah tindakan yang dilakukan oleh Si Miskin untuk menunaikan permintaan isterinya? (3 markah)



- II. Huraikan satu perwatakan Maharaja Indera Dewa berdasarkan petikan di atas. (3 markah)

- III. Jelaskan dua pengajaran bersama-sama contoh yang terdapat dalam petikan prosa di atas. (3 markah)

SOALAN 12

Berdasarkan kajian Antologi Bintang Hati, huraikan **satu nilai murni** dan **dua latar masyarakat** yang terdapat dalam cerpen "*Legasi Tapai Ubi*".

(6 Markah)